



PROPOSAL DASAR KAMPUS COVID-19

KEPADA:

PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI MALAYA

DISEDIAKAN OLEH:

KESATUAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA 2020

PENGENALAN


Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM) amat mengambil berat dengan dasar “*no one should be left behind*” dimana semua mahasiswa dan mahasiswi perlu dibantu daripada segi aksesibiliti demi memastikan kelancaran pembelajaran dan pengajaran atas talian (*E-Learning*). Di dalam kertas cadangan awal, KMUM mencadangkan supaya pelajar dapat pulang secara berperingkat bagi mengatasi masalah aksesibiliti setelah tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 14 April 2020. Walau bagaimanapun, PKP telah dilanjutkan sehingga 28 April 2020 berdasarkan pengumuman daripada YAB Perdana Menteri, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin Yassin.

Dengan pengumuman ini, para pelajar tidak dapat pulang ke kampus dan ini sekaligus tidak dapat membantu para pelajar yang mempunyai masalah *internet* yang terhad bagi yang berada di rumah untuk tujuan *E-Learning* pada 27 April 2020. Statistik dibawah menunjukkan terdapat 440 mahasiswa dan mahasiswi daripada 968 yang telah isi borang ini yang mempunyai masalah untuk meneruskan *E-Learning* pada 27 April 2020.



Statistik 1: Borang Maklumbalas PKP fasa 3

Di dalam survey tersebut, mahasiswa dan mahasiswi juga telah menyatakan isu yang dihadapi oleh mereka bagi *E-Learning* yang akan diteruskan pada 27 April 2020. Seramai 433 mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaya yang mempunyai akses internet yang terhad, 284 yang menyatakan sumber rujukan yang terhad, 26 yang tidak mempunyai computer riba, 43 yang tidak mampu untuk membeli *internet*, 105 menjawab tiada isu dan 77 mahasiswa yang menjawab lain-lain.



Statistik 2: Borang Maklum balas PKP fasa 3

1. Aksesibiliti


Bagi menyelesaikan isu yang dihadapi oleh para pelajar, aksesibiliti para mahasiswa dan mahasiswi perlu diambil berat bagi mengatasi masalah akses internet yang terhad yang dihadapi mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaya bagi tujuan pembelajaran atas talian. Setiap mahasiswa dan mahasiswi yang mempunyai masalah internet haruslah dibantu dengan apa-apa inisiatif sekali pun seperti pemberian kad sim dan apa cara yang mampu memberi manfaat kepada rakan-rakan di Universiti Malaya.

Untuk kes-kes tertentu yang sangat kecil, mahasiswa dan mahasiswi yang mempunyai masalah ketercapaian internet di rumah perlu dibawa pulang kampus. Pihak Universiti boleh merancang satu mekanisma yang terbaik dan perlu meminta "**special permission**" bagi membawa pulang pelajar yang mempunyai masalah aksesibiliti untuk pulang ke kampus mengikut SOP tertentu serta perancangan dan kebenaran daripada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Mahasiswa dan mahasiswi yang akan pulang ke kampus akan tinggal selama 14 hari di pusat kuarantin UM dan akan pulang ke kolej kediaman masing-masing selepas menamatkan tempoh kuarantin.

KMUM tidak menafikan pembelajaran dan pengajaran atas talian adalah satu kaedah yang perlu dilakukan memandangkan pihak KKM telah mengeluarkan kenyataan untuk tidak mengadakan "*mass gathering*" dalam tempoh 6 bulan sehingga setahun. Walau bagaimanapun, cadangan ini adalah terbaik bagi mengikut dasar "*no one should be left behind*". Namun, pihak universiti perlu menggalakkan pelajar untuk kekal di rumah masing-masing bagi yang tidak mempunyai sebarang isu atau masalah bagi *E-Learning*.



CADANGAN FLOW CHART BAGI PELAJAR YANG BERHASRAT PULANG KE KOLEJ KEDIAMAN DAN MENDAPAT "SPECIAL PERMISSION".



Rajah Carta Alir 2

2. ALTERNATIF

Memandangkan pembelajaran dan pengajaran atas talian akan diteruskan pada 27 April 2020, sebagai satu alternatif bagi cadangan di atas, pihak universiti perlu memberi pilihan kepada mahasiswa dan mahasiswi untuk memilih sama ada untuk meneruskan semester ini atau ingin menangguhkan pengajiannya sehingga tahun hadapan. Ada mahasiswa yang memilih untuk meneruskan pembelajaran mereka atas dasar mereka tiada masalah dan ingin bergraduasi dengan lebih cepat tetapi ada juga mahasiswa yang tidak ingin meneruskan pembelajaran mereka kerana terdapat isu yang tidak dapat dielakkan seperti masalah aksesibiliti, sumber rujukan yang terhad dan sebagainya. Mahasiswa dan mahasiswi perlu diberikan kebenaran untuk menangguh semester atau mengambil “Gap Year” bagi tujuan tersebut dan perlu adanya kelonggaran bagi syarat “Gap Year” tersebut serta bilangan pelajar yang boleh memohon oleh kerana pelajar yang mengambil “Gap Year” tersebut dibuat atas masalah aksesibiliti dan bukan atas kerelaan mereka.

Selain daripada penangguhan pengajian, mahasiswa dan mahasiswi perlu dibenarkan oleh pihak universiti untuk menarik diri daripada subjek yang diambil pada semester ini. Ini kerana ada pelajar yang menimbulkan kerisauan untuk mengambil subjek tersebut kerana ia akan menganggu keputusan mereka pada semester ini.

Prosedur dan kriteria seperti yang termaktub di dalam Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda) 2019 bagi penangguhan pengajian dan penarikan diri daripada subjek juga perlu diringkaskan oleh kerana mahasiswa dan mahasiswi berbuat demikian bukan atas kerelaan mereka tetapi atas masalah yang tidak dapat dielakkan.

Walau bagaimanapun, akan timbul isu fasiliti berkurangan dan sebagainya sekiranya terdapat ramai mahasiswa dan mahasiswi yang ingin menangguh semester. Oleh yang demikian, satu mekanisma perlu dirangka oleh pihak universiti dalam menyelesaikan isu tersebut.

Akhir sekali, KMUM berharap pihak universiti dapat mempertimbangkan proposal baharu ini dan KMUM mengharapkan pihak universiti boleh memberi penjelasan kepada mahasiswa dan mahasiswi mengenai keputusan yang telah dibuat serta isu-isu yang dibangkitkan oleh mahasiswa berkaitan semester ini. KMUM bersedia untuk membantu pihak universiti selagi mana keputusan tersebut memberi kebaikan kepada mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaya.

Sekian.

Berkhidmat Demi Mahasiswa

KESATUAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA 2020

RUJUKAN

1. Perlembagaan Universiti Malaya 2010, Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda) 2019
[https://education.um.edu.my/Undergraduate/Peraturan-Peraturan%20UM%20\(Ijazah%20Sarjana%20Muda\)%202019.pdf](https://education.um.edu.my/Undergraduate/Peraturan-Peraturan%20UM%20(Ijazah%20Sarjana%20Muda)%202019.pdf)